

Aktiviti tarah bukit punca banjir kilat

PULAU PINANG 7 Nov. - Aktiviti tarah bukit yang menyebabkan kawasan tanah terdedah kepada hakisan dikenal pasti antara punca kepada kejadian banjir kilat yang kerap berulang di negeri ini.

Penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Chan Ngai Weng berkata, kerajaan DAP Pulau Pinang tidak boleh menafikan perkara itu memandangkan aktiviti menukar kawasan hutan kepada projek komersial sememangnya wujud ketika ini.

Beliau yang juga Pensyarah Hidroklimatologi, Fakulti Kemanusiaan USM menambah, aktiviti tarah bukit itu melemahkan struktur tanah selain meningkatkan mendapan sungai menyebabkan air hujan melimpah ke kawasan penempatan penduduk.

"Bencana banjir kilat sudah terlalu kerap berlaku sejak 1985 dan tidak diberi perhatian sewajarnya sama ada oleh kerajaan negeri hari ini atau sebelum ini.

"Pembangunan pula berlangsung terlalu pantas dan lebih diberi keutamaan berbanding langkah pencegahan banjir atau pemuliharaan

hutan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut beliau, aktiviti pencerobohan sungai khususnya projek pembangunan yang terlalu hampir dengan sungai turut menyumbang kepada kejadian banjir kilat.

Selain itu, tambahnya, kebanyakan kawasan di negeri ini masih bergantung kepada sistem pengairan dan saliran tradisional yang tidak lagi sesuai dengan perubahan bandar moden ketika ini.

Kata beliau, sistem baharu iaitu Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang lebih praktikal dan mesra bandar moden sudah diperkenal namun tidak dilaksanakan oleh pemaju dengan alasan kos yang tinggi.

"Negeri ini memerlukan sistem saliran mapan yang mana penyelidikan USM ketika ini juga sedang membangunkan sistem seumpama itu.

"Menerusi sistem ini, air hujan boleh meresap ke dalam tanah dan dialirkan terus ke sungai dan ini dapat mengelak limpahan air sungai ke kawasan penempatan penduduk," katanya.